

22 FEB 1999

Sabah-bubar

DEWAN UNDANGAN SABAH BUBAR

KOTA KINABALU, 22 Feb (Bernama) -- Dewan Undangan Negeri Sabah dibubar hari ini bagi membolehkan pilihan raya negeri kesembilan diadakan.

Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok membuat pengumuman itu pada pukul 12.08 tengah hari di Bangunan Dewan Undangan Negeri dan disiarkan secara langsung oleh RTM.

"Dengan ini, saya mengisytiharkan pembubaran Dewan Undangan Negeri Sabah secara rasminya pada hari ini. Selamat berjuang," katanya pada persidangan berita yang sesak.

Katanya Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) akan menetapkan tarikh penamaan calon dan pengundian.

"Terpulanglah kepada penduduk Sabah untuk menentukan siapakah yang akan menerajui kerajaan negeri Sabah selepas pilihan raya negeri kelak," katanya.

Dompok yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) Negeri, sebelum itu menemui Yang Dipertua Negeri Tun Sakaran Dandai di Istana Negeri untuk mendapatkan persetujuan bagi pembubaran itu.

Sejurus selepas pertemuan dengan Sakaran, beliau mempengerusikan mesyuarat mingguan kabinet negeri sebelum beredar ke Bilik Rafflesia di bangunan sama untuk membuat pengumuman itu di hadapan rakan-rakan kabinetnya.

Ketika bercakap kepada pemberita kemudian, Dompok berkata beliau juga telah memaklumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai pembubaran itu pagi tadi.

Pilihan raya negeri yang lepas diadakan pada 18 dan 19 Feb 1994, 39 hari setelah dewan dibubar.

Mandat selama lima tahun dewan yang mempunyai 48 kerusi itu berakhir pada 18 Mac ini. Daripada bilangan itu, BN telah menguasai 43 kawasan, Parti Bersatu Sabah (PBS) empat dan Bebas satu.

Dewan itu juga mempunyai enam Anggota Dilantik terdiri tiga wakil daripada BN dan tiga daripada PBS.

Pada pilihan raya negeri yang lepas, PBS memenangi 25 kerusi untuk membolehkannya membentuk kerajaan.

Bagaimanapun, kerajaan PBS itu tumbang tiga minggu kemudian setelah ramai daripada anggotanya menyertai parti dalam BN atau menubuhkan parti baru yang kemudian menjadi komponen BN.

Mengenai pengagihan kerusi di kalangan anggota komponen BN Sabah, Dompok berkata ia akan diketahui pada hari penamaan calon.

"Soal calon akan ditentukan oleh pucuk pimpinan BN tetapi pada dasarnya saya fikir parti komponen BN tidak mempunyai perbezaan yang besar. Soal calon dan segala masalah, jika ada, akan dapat diatasi," kata beliau.

Pengagihan kerusi bagi BN ialah antara tujuh daripada sembilan komponennya di Sabah terdiri daripada Umno, PDS, SAPP, Akar, PBRS, LDP dan MCA. Dua lagi, Gerakan dan MIC, memutuskan untuk tidak bertanding pada pilihan raya itu.

Selain BN, empat parti lagi telah mengesahkan akan bertanding bagi meraih sokongan 726,690 pengundi berdaftar di Sabah.

PBS, yang merupakan parti pembangkang utama, dan Bersekutu telah mengumumkan akan bertanding di semua 48 kawasan.

PAS dan Pasok juga telah mengesahkan akan bertanding.

Pada pilihan raya lepas terdapat sejumlah 153 calon.

-- BERNAMA

JS AU MAI